

Tatabahasa

Analisis kesalahan bahasa yang terdapat dalam petikan dan betulkan kesalahan tersebut. **SP 5.6.1**

Sekumpulan murid-murid SMK Tanjung Bunga sedang berlatih bersungguh-sungguh di mini padang itu. Mereka akan berdepan dengan pasukan SMK Taman Megah pada minggu hadapan dalam perlawanan bola sepak.

Pasukan bola sepak sekolah itu sangat mashyur kerana pernah menjadi juara di peringkat daerah. Kumpulan itu mempunyai barisan pemain yang handal. Mereka juga berlatih oleh Cikgu Kamaludin, iaitu bekas Pemain Bola Sepak Negeri Kedah.

Cikgu Kamaludin berharap agar supaya perlawanan dengan pasukan SMK Taman Megah akan mempunyai kemenangan. Walau bagaimanapun, beliau tidak akan berasa kecewa jika pasukannya tewas kerana baginya, kalah menang adat pertandingan.

Kesalahan Bahasa	Pembetulan
1 Sekumpulan murid-murid SMK Tanjung Bunga sedang berlatih bersungguh-sungguh di mini padang itu.	
2 Pasukan bola sepak sekolah itu sangat mashyur kerana pernah menjadi juara di peringkat daerah.	
3 Mereka juga berlatih oleh Cikgu Kamaludin, iaitu bekas Pemain Bola Sepak Negeri Kedah.	
4 Cikgu Kamaludin berharap agar supaya perlawanan dengan pasukan SMK Taman Megah akan mempunyai kemenangan.	



Nota Tatabahasa

Kesalahan Umum Tatabahasa

- Kesalahan tatabahasa dari segi kata biasanya berlaku dalam penggunaan beberapa jenis kata, iaitu:
 - kata ganti nama diri
 - kata bilangan
 - penjodoh bilangan
 - kata sendi nama
 - kata kerja
 - kata hubung
- Kesalahan tatabahasa dari segi frasa berlaku dalam pelbagai jenis frasa. Antara kesalahan yang lazim dilakukan:
 - sekumpulan murid-murid (X) – sekumpulan murid (✓)
 - mini bas (X) – bas mini (✓)
- Kesalahan bahasa dalam binaan ayat terdiri daripada kesalahan ayat tanya, ayat majmuk, dan kesalahan ayat tergantung.
- Kesalahan ejaan merupakan satu daripada kesalahan umum yang mudah dilakukan oleh murid. Antara kesalahan yang lazim dilakukan:
 - Pemain Hoki Nagara India (X) – pemain hoki negara India (✓)
 - mashyur (X) – masyhur (✓)